


KEBUDAYAAN ISLAM

Kesenian Islam di Mesir

Dalam kurun yang pertama semenjak masuknya Islam ke negeri Mesir, belum ada perubahan baru dalam bentuk kesenian, baik seni bangunan, seni lukis, seni ukir atau seni lainnya. Banyak gedung-gedung dan bangunan-bangunan yang baru didirikan, tetapi pada umumnya bentuk bangunan-bangunan itu masih melanjutkan bentuk yang telah ada di negeri itu, yaitu menurut bentuk bangunan Mesir Lama dan bentuk bangunan Byzantine (Rom Timur). Tetapi beberapa kurun kemudiannya mulailah kelihatan perubahan dalam lapangan kebudayaan, terutama dalam lapangan kesenian.



Sungguh indah kesenian Islam yang menghiasi mihrab dan minbar¹ Masjid al-Imām al-Shafi'ī, di bandar Kaherah.

Dalam bukunya “Sejarah Kesenian Islam”, Tuan C. Asrar, menulis:

Kesenian Islam di Mesir itu memuncaknya ialah pada masa negeri itu terletak di bawah pemerintahan kerajaan Fāṭimiyah dan beberapa kurun kemudiannya.

Bandar Kaherah yang didirikan oleh Khalifah al-Mu'izz li dīn Allāh² pada tahun 969 Masihi, adalah menjadi pusat kesenian dan kebudayaan Islam. Dalam lapangan kesenian, bandar Kaherah tidak ketinggalan dari bandar Baghdad, bandar ajaib dengan hikayat *Alf Laylah wa Laylah* (Seribu Satu Malam) itu, seolah-olah raja kerajaan Fāṭimiyah tidak mahu kalah dari raja-raja kerajaan 'Abbāsiyyah yang mencapai zaman keemasan pada zaman Khalifah Hārūn al-Rashīd.

Hal ini tidak menghairankan, lembah Sungai Nil itu lebih makmur dari daerah Iraq yang diapit oleh

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya mimbar.

² Merujuk kepada Khalifah Kerajaan Fāṭimiyah yang ke-3, Khalifah Tamim Ma'add al-Muizz Lidinillah


Sungai Furat (Fūrāt) dan Sungai Dajlah. Kekayaan Mesir dari hasil pertanian, gandum, kapas dan lain-lainnya melimpah-limpah mengisi perbendaharaan negara. Selain daripada itu, Mesir merupakan pusat lalu lintas antara Timur dan Barat, sehingga bandar Kaherah bukan sahaja merupakan bandar kesenian dan kebudayaan, tetapi juga merupakan sebuah bandar perniagaan yang besar.

Zaman kerajaan Fāṭimiyyah itu (972-1171M.) dapatlah dipandang sebagai zaman kebangkitan kesenian Islam di Mesir. Masa itulah seni bangunan, seni ukir, seni tulis dan lain-lainnya berkembang dengan subur sekali.

Sultan Khamārawiyyah bin Ṭūlūn, telah mendirikan sebuah istana yang indah di tengah-tengah taman yang permai, lengkap dengan kolam kebun bunga. Tetapi istana yang dibina oleh sultan-sultan kerajaan Fāṭimiyyah jauh lebih hebat dari itu.

Kebesaran kerajaan Fāṭimiyyah meningkat pada masa pemerintahan Khalifah al-Mustansir bi Allāh. Menurut keterangan “Marseille” seorang orientalis dan ahli sejarah bangsa Perancis, yang dipetikanya dari buku karangan “al-Maqrīzī” ahli sejarah Arab yang terkenal, mengatakan: Bahawa pada zaman al-Mustansir, negara Mesir makmur dan kaya raya. Istana dengan segala isinya tidak ternilai harganya. Perbendaharaan raja penuh dengan emas dan perak, serta permata-permata: zamrud, *yāqūt* (delima), *lu’lu’* (mutiara) dan lain-lainnya yang mahal-mahal.

Selain dari itu alat-alat kelengkapan dan perhiasan istana, penuh dengan kebesaran dan kemewahan. Di sana tersedia delapan belas ribu buah piala yang bersalut emas, sejumlah besar serban-serban yang dililit dengan “ratna mutu manikam”, yang berharga



Masjid al-Azhar, yang juga menjadi sekolah tinggi yang tua sekali di seluruh dunia.

130,000 dinar, 400 pasang kasut dan selipar yang ditatah dengan emas permata. Berjenis-jenis alat perhiasan yang indah-indah...seolah-olah raja Fāṭimiyyah itu hendak menciptakan syurga di dalam lingkungan tembok istananya.

Pohon-pohon dan bunga-bunga dalam taman itu diperbuat daripada perak, buah-buahan daripada emas dan permata, pasirnya ditaburi dengan perak dan pada tiap-tiap hari disiram dengan air bau-bauan yang harum.

Salah sebuah khemah sultan, terbuat daripada baldu dan sutera, ditaburi dengan emas perada. Khemah ini

luasnya kira-kira 225 elu dan tingginya 29 elu.

Sebuah khemah yang lain bertiraikan emas juga, enam batang tiangnya terbuat daripada perak berukir.

Kekayaan-kekayaan yang lain lebih kurang 5,000 helai kain sutera dari berbagai-bagai jenis yang bersulam emas dan selain daripada itu, bukan sedikit pula jumlah alat senjata kebesaran yang berlapis emas bertatahkan permata, seperti pedang, tombak, lembing, perisai dan lain-lainnya. Sesungguhnya tidak ada seorang jahari pun yang akan sanggup menilai kekayaan yang tersimpan dalam istana kerajaan Fāṭimiyah itu.


Dari manakah datangnya kekayaan yang tidak ternilai ini? Pertanyaan yang seperti ini tidak sukar mencari jawabnya, apabila diperhatikan letak negeri Mesir yang mempunyai kedudukan yang sangat penting dan utama dalam dunia perniagaan pada kurun yang kesebelas.

Pada masa itu negeri Mesir mempunyai dua punca kekayaan yang besar, iaitu:

1. Pertanian.
2. Perdagangan.

Tetapi kekayaan yang besar sekali, diperolehinya dari lapangan perdagangan. Segala hasil bumi, rempah-rempah, barang-barang kerajinan dan lain-lainnya dari negeri Timur, dibawa ke negeri Barat dengan melalui Mesir. Demikian pula sebaliknya, sehingga pada waktu itu bandar Kaherah menjadi bandar perniagaan yang besar di dunia.

Pada tahun 1138, Frescobaldi dari Florence (Itali), telah menyaksikan sendiri bahawa kapal-kapal yang berlabuh di Mesir jauh lebih banyak dari yang terdapat di pelabuhan Geneva, Venice dan bandar-bandar lainnya di Eropah.



Masjid Khayrbak. Kubah dan menaranya yang penuh dengan ukiran-ukiran yang indah, menjadi lambang kesenian Islam zaman berzaman di Mesir.

Perahu-perahu yang setiap hari hilir mudik di Sungai Nil tidak kurang dari 3600 buah banyaknya. Keuntungan yang didapati, yang besar sekali ialah dari perdagangan rempah-rempah yang dibawa dari Timur.

Salah seorang yang turut dalam pelayaran Vasco da Gama ke negeri-negeri Timur, menerangkan bahawa pada masa itu harga rempah-rempah di bandar Kaherah lima kali ganda daripada harganya di bandar Calcutta. Keuntungan yang berlipat ganda itu berkurun-kurun lamanya mengalir memenuhi perbendaharaan kerajaan Islam di Mesir, iaitu sampai akhir kurun yang kelima belas.

Bangunan-bangunan yang ada di Mesir, dapat mencerminkan pertumbuhan dan perkembangan seni bangunan Islam semenjak kurun yang pertama sesudah hijrah. Di Kaherah masih berdiri berpuluh-puluh buah masjid yang dibangun dalam masa yang berlainan, (dari kurun yang pertama hinggalah zaman kita ini).

Bukan sahaja masjid-masjid dan istana, tetapi boleh dikatakan sebahagian besar dari bangunan-bangunan yang ada di bandar Kaherah itu, ialah hasil ciptaan pembinaan Islam dalam masa seribu tahun lebih.

Apabila seorang berdiri pada sebuah bangunan tempat yang tinggi dan melayangkan pandangannya ke seluruh bandar Kaherah itu, akan kelihatan kepadanya bahawa bandar itu ialah sebuah bandar yang dibina menurut daya cipta Islam. Sejauh-jauh mata memandang akan kelihatanlah bumbung gedung-gedung memutih dan rata. Di sana sini tegak menjulang menara-menara azan yang tinggi dan berselang-seli dengan kubah-kubah yang berbagai-bagai bentuknya. Pemandangan yang seperti ini tidak akan dijumpai di bandar-bandar lain, baik di Timur apalagi di negeri-negeri Barat.

Selain daripada itu, di sini membuktikan, bahawa bandar Kaherah itu sebenar-benarnya menjadi pusat pertemuan segala bangsa. Di sinilah Timur dan Barat berjabat tangan.


Di bandar Kaherah dijumpai segala bangsa, baik orang Barat atau orang Timur, berkulit hitam atau berkulit putih. Di sana akan terlihat orang yang berasal Arab dan Qibti, India dan Farsi, Habshi dan Turki, Yunani dan Itali, Perancis dan Inggeris, dan lain-lainnya, semuanya dengan cara hidup mereka masing-masing.

Demikianlah pandangan sepintas lalu di sepanjang-panjang bandar Kaherah, bandar yang dari dahulu dibanggakan menjadi pusat kebudayaan.

Bagi mengetahui sejarah perkembangan kesenian Islam di negeri Mesir, memadai jika disebut perihal beberapa buah masjid yang utama di antara masjid-masjidnya yang beratus-ratus itu:

Masjid 'Amru ibn al-'Āṣ

Masjid yang tua sekali di negeri Mesir. Didirikan dalam tahun 21H (642M.) oleh pahlawan Islam 'Amrū ibn al-'Āṣ. Masa mendirikannya telah dihadiri oleh 80 orang sahabat Nabi.



Masjid Sultan Barquq

Salah sebuah masjid yang terbilang di Mesir.

Bentuknya empat persegi. Di dalamnya ada lapangan terbuka yang dinamakan “*Ṣahn*” tempat orang-orang musafir bermalam.

Tiang-tiangnya daripada mamar, berjumlah 147 batang. Di dalamnya terdapat 21 lengkung menurut pahatan Yunani dan Rom. Bumbungnya rata, dan mempunyai 4 buah menara azan di keempat-empat penjurunya. Tiap-tiap satunya setinggi 105 kaki.

Masjid Ibn Ṭūlūn

Masjid ini didirikan pada tahun 265H (879M.) oleh al-Sultan Ahmad bin Ṭūlūn. Bentuknya menurut contoh Masjid Makkah dan hampir sama bentuknya dengan masjid ‘Amrū bin al-‘Āṣ.


Meskipun pada bentuk tiang-tiangnya terdapat kesan seni *gothic* yang kerap kali didapati pada bangunan gereja-gereja Kristian, akan tetapi ukiran yang menghiasi pintunya dan tulisan-tulisan Arab yang menghiasi tepi lengkung-lengkung di dalamnya, merupakan langkah pertama dalam perkembangan seni ukir dan seni bangunan Islam.

Dalam tahun 1928, Jabatan Kementerian Waktu² Mesir telah memperbaiki masjid yang bersejarah ini.

Masjid al-Azhar

Didirikan dalam tahun 361H (972M.). Masjid ini ialah salah sebuah masjid peninggalan kerajaan Fāṭimiyyah yang utama. Yang mendirikan ialah Khalifah al-Mu‘izz li dīn Allah.

Pada masa itu pusat pemerintahan kerajaan Fāṭimiyyah masih di bandar Fās (Fez) ibu negeri Maghribi (Morocco).



Masjid Qaitbay³, salah sebuah masjid yang indah mutu keseniannya di antara berpuluh-puluh masjid yang menghiasi bandar Kaherah.

Oleh sebab itu pembinaan masjid ini dijalankan di bawah arahan Pesuruhjaya Mesir, Panglima Jawhar al-Rūmī.

Pada tahun 973M. Khalifah al-Mu‘izz li dīn Allah, pindah ke bandar Kaherah. Ketika inilah dilakukan upacara pembukaan “Masjid al-Azhar” itu dan baginda bersembahyang di dalamnya bagi pertama kali.

Masjid al-Azhar ini lebih indah daripada Masjid Ibn Ṭūlūn, lebih sempurna binaannya serta dihiasi dengan berbagai bentuk ukiran. Tetapi kesempurnaan dan keindahan Masjid al-Azhar itu dicapai olehnya dalam

² mungkin berlakunya kesilapan ejaan, yang lebih tepat ialah ‘Waqaf’

³ Nama salah seorang pemerintah Mamluk

waktu yang lama dengan beransur-ansur. Masjid ini telah diperindah oleh Sultan Ḥasan, Sultan Qaitbay, Sultan ‘Abd al-Raḥmān al-Kakhyā dan raja-raja Mesir yang lain, silih berganti.

Pada tahun 988M. iaitu dalam masa pemerintahan Khalifah al-‘Azīz (975 – 996M.) masjid ini dijadikan sekolah tinggi Islam yang sekarang terkenal dengan nama Universiti al-Azhar.

Ṣahn atau halaman masjid ini sangat luas, dikelilingi oleh 380 batang tiang yang terbuat daripada marmar dan batu besi. Lengkung di dalamnya menurut bentuk bangunan Parsi.

Sesungguhnya al-Azhar ini telah berkurun-kurun lamanya mempunyai kedudukan yang utama dalam sejarah kebangkitan dunia Islam.

Masjid Sultan Qalāwūn

Masjid ini didirikan oleh Sultan Qalāwūn pada tahun 1285M dan diselesaikan oleh puteranya Sultan al-Nāṣir (1293M.). Bentuk bangunannya serta ukiran yang menghiasinya membayangkan hasil kesenian Islam yang menakjubkan. Boleh dikatakan bahawa pada masa inilah seni bangunan dan seni ukir Islam kelihatan memuncak tinggi. Masjid Sultan Qalāwūn ini terdiri dari sebuah masjid, sebuah sekolah dan sebuah rumah sakit.

Masjid Sultan Ḥasan

Didirikan pada tahun 757H (1356M.), masjid inilah yang indah sekali di bandar Kaḥerah. Menurut Gustave Le Bon, Masjid Sultan Ḥasan itu lebih besar dari gereja Notre Dame yang ada di Paris.

Di sepanjang-panjang tembok masjid ini dihiasi dengan ukiran-ukiran dan tulisan Arab.

Masjid Sultan Barquq

Didirikan pada tahun 788H (1386M.).

Masjid ini belum selesai tatkala Sultan Barquq mangkat, tetapi telah diselesaikan oleh raja-raja yang datang kemudian, pada tahun 1410M.

Sekarang sebahagian masjid ini sudah rosak termasuk minbarnya⁴ yang sangat indah itu.

Masjid al-Mu’ayyad

Didirikan pada tahun 818H (1415M.), oleh Sultan Maḥmūd al-Mu’ayyad, dari keturunan raja-raja al-Mamālīk. Sultan ini telah memerintah Mesir pada tahun 1412 sehinggalah masa mangkatnya – 1421M. Ketika itu masjid ini belum selesai.

Dipandang dari sudut seni ukir, maka nyatalah Masjid al-Mu’ayyad ini penuh dengan ukiran-ukiran yang indah.

Masjid Qaitbay

Didirikan pada tahun 879H (1474M.) oleh Sultan Qaitbay (keturunan raja-raja al-Mamālīk) yang memerintah Mesir dalam tahun 1463-1496M.

Masjid ini amat masyhur kerana kubahnya yang penuh dengan ukiran dan hiasan yang sangat-sangat indah.

Sebenarnya selain daripada masjid-masjid, banyak lagi peninggalan kesenian Islam yang berharga di bandar Kaḥerah. Diantaranya yang utama sekali ialah dua buah pintu gerbang bandar Kaḥerah yang sangat-sangat indah buaatannya iaitu “Bāb al-Futūḥ” dan “Bāb al-Naṣr”. Kedua-duanya didirikan oleh Sultan al-Mustaṣfir dari kerajaan Fāṭimiyah.

⁴ Kesalahan teks. Sepatutnya mimbar.